


Praktis Akhir Tahun Sains Tingkatan 2

Set 2

Arahan : Setiap soalan diikuti oleh empat pilihan, iaitu A,B C atau D. Pilih jawapan yang terbaik.

1. Rajah 1 menunjukkan satu radas di dalam makmal sains.



Rajah 1

Apakah fungsi radas itu?

- A. Untuk mengisi cecair.
- B. Untuk mengumpul gas.
- C. Untuk menyukat isipadu cecair.
- D. Untuk mengkaji tindak balas kimia yang melibatkan cecair.

2. Pernyataan berikut menerangkan tentang persenyawaan X.

Nukleus gamet jantan bercantum dengan nukleus gamet betina di luar badan induk

Apakah contoh haiwan yang melakukan persenyawaan X?

- A. Burung
- B. Katak
- C. Singa
- D. Penyu

3. Nyatakan kumpulan yang betul bagi haiwan berikut.

	Kumpulan	Haiwan
A	Reptilia	Harimau
B	Burung	Penguin
C	Mamalia	Ikan yu
D	Amfibia	Penyu

4. Encik Ahmad ingin mengawal populasi tikus di ladang kelapa sawitnya. Apakah kaedah kawalan biologi yang boleh digunakannya?

- A. Meletakkan perangkap tikus yang banyak
- B. Meletakkan racun tikus di bawah pokok kelapa sawit
- C. Meletakkan sejumlah anjing yang dibiarkan bebas di ladangnya
- D. Meletakkan sejumlah burung hantu yang dibiarkan bebas di ladangnya

5. Rajah 5 menunjukkan seorang kanak-kanak sedang menghidap suatu penyakit.




Rajah 5

Antara yang berikut, manakah menyebabkan penyakit itu?

- A. Mengambil lemak berlebihan
- B. Mengambil karbohidrat berlebihan
- C. Kekurangan protein
- D. Kekurangan mineral kalsium

6. Antara individu berikut, yang manakah memerlukan makanan yang kaya dengan tenaga?
- Freddie, umur 14 tahun, seorang remaja
 - Puan Tan, umur 35 tahun, seorang guru
 - Encik Wafiey, umur 36 tahun, seorang buruh
 - Andrew, umur 26 tahun, seorang kerana
7. Anathan mengalami cirit-birit dan muntah selepas minum minuman tercemar. Apakah penyakit yang mungkin dihadapinya?
- Diabetes
 - Malaria
 - Taun
 - Leptospirosis

8. Rajah 8 menunjukkan empat bentuk gula yang setiapnya berjisim 20 g.



Rajah 8

Antara bentuk gula yang berikut, manakah akan larut paling cepat?

- W
 - X
 - Y
 - Z
9. Antara proses berikut, yang manakah menyebabkan pembentukan embun di waktu pagi?
- Penyejatan
 - Pembekuan
 - Pemejalwapan
 - Kondensasi


10. Apakah tujuan pengklorinan dalam kaedah pembersihan air?
- Memisahkan bendasing
 - Membunuh mikroorganisma
 - Menyingkirkan bendasing terampai
 - Menjadikan air rasa manis

11. Antara yang berikut, manakah kegunaan asid formik?
- Untuk membuat baja
 - Untuk membekukan lateks
 - Untuk membuat detergen
 - Untuk membuat agen pembasmi kuman

12. Manakah antara berikut digunakan untuk meneutralkan asid berlebihan dalam perut?
- Cuka
 - Susu magnesia
 - Larutan garam
 - Air berkarbonat

13. Antara daya berikut, yang manakah dihasilkan apabila dua permukaan digosok antara satu sama lain?
- Daya magnet
 - Daya graviti
 - Daya elektrostatik
 - Daya geseran

14. Rajah 14 menunjukkan suatu litar elektrik.




Rajah 14

Berapakah bacaan ammeter?

- 0.5 A
- 1.0 A
- 2.0 A
- 4.0 A

15. Antara rajah yang berikut, manakah menunjukkan corak bagi medan magnet yang betul?



16. Rajah 16 menunjukkan sebiji bulu tangkis yang akan dipukul oleh seorang pemain badminton.




Rajah 16

Apakah kesan daya yang terlibat?

- A. Daya boleh menghentikan pergerakan objek
- B. Daya boleh mengubah saiz objek
- C. Daya boleh mengubah kelajuan objek yang bergerak


D. Daya boleh mengubah bentuk objek

17. Rajah 17 menunjukkan sebuah kapal terbang yang sedang terbang di langit. Antara A, B, C dan D, yang manakah merupakan arah daya geseran?



Rajah 17

18. Rajah 18 menunjukkan dua keadaan apabila sebuah kapal terapung di atas muara sungai dan terapung di atas laut.




Rajah 18

Mengapakah kedudukan kapal menjadi lebih tinggi di atas air laut?

- A. Permukaan air laut lebih tepu.
- B. Air laut mengandungi banyak garam mineral.
- C. Air laut mempunyai ketumpatan yang lebih tinggi daripada air sungai.
- D. Isipadu air laut lebih tinggi daripada air sungai

19. Rajah 19 menunjukkan satu model kelas tuas.



Rajah 19

Antara yang berikut, manakah adalah contoh kelas tuas yang ditunjukkan?

- A. Penyepit ais
 - B. Jongkang-jongket
 - C. Pemecah buah keras
 - D. Pembuka botol
20. Mengapakah dinding pawagam biasanya dilapisi dengan permukaan yang lembut?
- A. Untuk mengelakkan gema
 - B. Untuk memantulkan bunyi
 - C. Untuk kelihatan kemas
 - D. Untuk menjimatkan kos